



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENGGERUSI JAWATANKUASA PENASIHAT KOLEJ KOMUNITI NEGERI SABAH

Seramai sembilan (9) orang Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti (JPENKK) Negeri Sabah telah dilantik untuk tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2027 bagi mengetuai aktiviti bersama - sama komuniti setempat di peringkat kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Kota Marudu, Kolej Komuniti Penampang, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Tambunan dan Kolej Komuniti Papar. Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi JPENKK Negeri Sabah ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, di Tawau Sabah.

JPENKK yang ditubuhkan di semua kolej komuniti seluruh Malaysia pada tahun 2008 ini merupakan usaha pihak Kerajaan membantu kolej komuniti menjadi sebuah institusi pendidikan yang dinamik dan berkualiti, mencakupi pelbagai bidang kemahiran dan latihan di negara ini. Antara tujuan penubuhan JPENKK adalah untuk menggalakkan hubungan serta kerjasama antara kolej komuniti dan masyarakat setempat dalam kawasan Parlimen berkenaan; memberi cadangan dan sokongan terhadap program-

program yang dijalankan di kolej komuniti; dan berfungsi sebagai penghubung di antara kolej komuniti dan masyarakat setempat di sesebuah kawasan/parlimen melalui program-program yang dijalankan oleh kolej komuniti untuk manfaat bersama.

Semoga pelantikan Pengerusi JPENKK Negeri Sabah ini dapat mengarusperdana dan memperkasa peranan masyarakat di kolej komuniti dengan penglibatan aktif komuniti setempat dalam aktiviti kemasyarakatan, program-program berbentuk peningkatan kemahiran (*upskilling*) serta mengeratkan lagi hubungan baik kolej komuniti dengan masyarakat, badan-badan perniagaan, industri, pertubuhan profesional serta pusat pendidikan tinggi setempat.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
13 JUN 2025**

